

**KEBERKESANAN PELAKSANAAN KEMPEN SOSIAL:  
KAJIAN KEMPEN ANTI DADAH DI AGENSI ANTI DADAH  
KEBANGSAAN (AADK), DAERAH KUALA MUDA**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:**


**NUR RASHIDI BIN JOHARI  
MOHAMED SAMSUDEEN BIN SAJAHAN  
MOHD RADZI MOHD KHIR  
ELIAS JAAFAR**

**MAC 2010**

**KUMPULAN PENYELIDIK**

**NUR RASHIDI BIN JOHARI**


Ketua Projek



.....  
Tandatangan

**MOHAMED SAMSUDEEN BIN SAJAHAN**

Ahli



.....  
Tandatangan

**MOHD RADZI MOHD KHIR**


Ahli



.....  
Tandatangan

**ELIAS JAAFAR**

Ahli



.....  
Tandatangan

## ISI KANDUNGAN

<b>TOPIK</b>	<b>HALAMAN</b>
DAFTAR KUMPULAN PENYELIDIK	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
DAFTAR SINGKATAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
ABSTRAK	xii
<b>BAB 1      PENGENALAN KAJIAN</b>	
1.1    Pengenalan / Latarbelakang Penyelidikan	1
1.2    Penyataan Masalah	3
1.3    Objektif Kajian	5
1.4    Skop Projek/Batasan Kajian	6
1.5    Kepentingan Kajian	6
1.6    Konsep	7

## ABSTRAK

Kajian ini secara keseluruhan bertujuan untuk mengkaji keberkesanan kempen yang dijalankan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Daerah Kuala Muda Kedah dalam merancang dan melaksanakan kempen anti dadah. Pendekatan pemasaran social (*social marketing*) telah digunapakai dalam kajian ini dan penggunaan pendekatan pemasaran social ini merupakan satu usaha pelopor dalam kajian keberkesanan kempen di Malaysia kerana sebelum ini keberkesanan kempen biasanya dinilai dalam kerangka pemasaran komersial. Rasional penggunaan pendekatan ini adalah berdasarkan landasan bahawa kerangka ini telah digunakan secara meluas dalam kajian-kajian kempen sosial di negara-negara lain dan seterusnya membantu dalam mengenalpasti kaedah penambahbaikan pelaksanaan kempen. Untuk tujuan kajian ini, penyelidik telah memilih untuk menggunakan Persampelan Bukan Keberangkilian iaitu Persampelan Mudah (*convenience sampling*). Seramai 300 orang responden yang mengunjungi Kempen Anti Dadah AADK Daerah Kuala Muda Kedah telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu data primer (menggunakan soal selidik) dan data sekunder. Bagi tujuan menilai kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen, ujian alfa Cronbach (*Cronbach Coefficient Alpha*) telah dilakukan. Hasil kajian memperlihatkan nilai alfa Cronbach melebihi .80. Kerangka kajian ini telah menggunakan 3 (TIGA) pembolehubah bersandar dan empat alternatif hipotesis. Daripada ujian hipotesis yang dibuat, dapat disimpulkan bahawa maklumat/mesej dan perancangan kempen mempengaruhi keberkesanan kempen. Walau bagaimanapun, faktor perubahan tingkahlaku kurang mempengaruhi keberkesanan kempen yang dijalankan. Ini kemungkinan disebabkan tingkahlaku berkait rapat dengan sikap responden itu sendiri.

## **BAB 1**

### **Pengenalan Kajian**

#### **1.1 Pengenalan /Latar Belakang Kajian**

Tahap kesedaran mengenai perlunya tindakan yang bersifat sistematik dan efektif dalam mengatasi masalah sosial secara umumnya semakin meningkat. Demikian juga sinerionya dalam soalan isu peningkatan kes penagihan dadah di kalangan masyarakat secara umumnya dan khususnya di daerah Kuala Muda, Kedah. Kerajaan pada dasarnya telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memerangi ancaman dadah yang telah dikategorikan sebagai musuh nombor satu negara. Bagi menguatkan lagi komitmen sedia ada, kerajaan juga telah mengumumkan gerakan bersepadu memerangi ancaman dadah secara habis-habisan.

Hampir kesemua agensi, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat telah digerakkan untuk membanteras masalah penyalahgunaan dadah ke arah menjadikan Malaysia negara bebas dadah pada 2015. Berdasarkan hasrat ini, pada 17 Februari 1996, kabinet telah meluluskan penubuhan Agensi Dadah Kebangsaan (AADK) dengan menggabungkan Pasukan Petugas Anti Dadah (PPAD) dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah (BRPD) sebagai sebuah organisasi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Agensi Dadah Kebangsaan adalah urusetia kepada Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Dalam Negeri dan bertanggungjawab kepada semua aspek tindakan anti dadah negara. Antara peranan